

17 NOV 1997

Mahathir - rakyat

GUNA SALURAN BETUL SAMPAIKAN RUNGUTAN, KATA DR MAHATHIR

PULAU PINANG, 17 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta rakyat menggunakan saluran yang disediakan untuk mengemukakan rasa tidak puas hati mereka kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata rakyat boleh menyatakan apa sahaja masalah yang mereka hadapi kepada kerajaan menerusi saluran yang disediakan dan bersikap bertanggungjawab dalam menghadapi masalah ekonomi sekarang.

Katanya kerajaan berasa bangga dengan sikap rakyat Malaysia yang tidak pernah mengambil sebarang tindakan yang tidak rasional ketika menghadapi masalah kejatuhan nilai ringgit dan pasaran saham.

Berucap pada majlis jamuan sempena lawatan sehari beliau ke Pulau Pinang, Dr Mahathir berkata selagi rakyat tidak panik dan bersikap bertanggungjawab, masalah ekonomi sekarang dapat diatasi dalam masa yang singkat.

Katanya jika rakyat berdisiplin dan bekerjasama, kerajaan yakin dapat membentuk satu pendekatan bagi menyelesaikan masalah ekonomi yang dihadapi sekarang.

Perdana Menteri berkata kemampuan Malaysia menangani masalah ekonomi itu telah diiktiraf di peringkat antarabangsa kerana Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) bersetuju dengan pendapat Malaysia bahawa satu peraturan mengenai urus niaga mata wang perlu diwujudkan.

"Lama-kelamaan, orang ramai akan sedar bahawa peraturan mengenai perniagaan mata wang perlu diwujudkan kerana perniagaan seumpama itu tidak menguntungkan orang ramai kecuali pihak-pihak tertentu sahaja.

"Kita mahu melihat perniagaan berjalan dengan baik di negara ini," katanya.

Dr Mahathir berkata ketika negara menghadapi masalah ekonomi pun, tiada syarikat asing yang menarik diri, malahan lebih banyak syarikat yang mahu melabur.

Pada majlis itu, Ketua Menteri Tan Sri Dr Koh Tsu Koon bersama-sama barisan Anggota Exco Kerajaan Negeri, pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional, usahawan dan tokoh korporat menyerahkan lafaz ikrar masing-masing sebagai bukti sokongan mereka kepada pimpinan Dr Mahathir. -- BERNAMA

AA AHM MAI